

“UMAT ISLAM.....DAN.....IBADAT HAJI”

Jika disebut sahaja kalimat “Haji” semua peringkat umat Islam tahu bahawa ia adalah satu daripada rukun-rukun Islam yang kelima. Satu ibadat yang telah diwajibkan Allah di atas tiap-tiap umat Islam yang mempunyai kemampuan di dalam seumur hidupnya sekali. Tetapi adakah semua umat Islam mengetahui dan dapat menyeluk apakah rahsia-rahsia dah hikmah-hikmah besar dan tersembunyi yang terkandung di dalam ibadat Haji yang diamalkan oleh mereka pada tiap tahun itu? Marilah kita sama meninjau hingga setakat manakah-hikmat-hikmat dan rahsia-rahsia Haji yang dapat diseluk dan dibongkari oleh umat-umat Islam di zaman sekarang.....???

(oleh ‘Abd al-‘Azīz al-Murshdī)

Di dalam lembaran kita suci al-Quran al-Karim Tuhan ada berfirman (*wa addhin fi al-nās bil hajj ya tūka rijālān wa ‘alā kulli dāmīrin ya ‘atīna min kulli faj ‘amīq*)-yang bererti “serulah wahai Ibrahim akan manusia mengerjakan ibadat Haji nescaya mereka akan manusia mengerjakan ibadat Haji nescaya mereka akan datang dengan menunggang kenderaan dari beberapa tempat yang jauh”.

Ya. Dari kerana menunaikan panggilan dan seruan ayat suci inilah maka kota suci Makkah pada setiap tahun sentiasa dibanjiri oleh manusia yang datang dari seantero dunia Islam mahu pun dari pihak Timur, Barat, Utara dan Selatan.

Mereka menuju ke sana adalah dengan menempuhi berbagai-bagai ranjau kesusahan, dirintangi pula oleh beberapa kezabab yang beraneka warna dengan membawa satu tujuan yang teristimewa sebagai menunaikan seruan Ilahi untuk melepaskan kewajipan dan amanat Tuhan yang telah mereka junjung dengan patuhnya, juga untuk menyampaikan kemahuan jiwa yang suci murni.

Selain daripada tujuan-tujuan tersebut, ada lagi beberapa tujuan yang teristimewa yang menusuk jiwa mereka untuk bermusafir ke sana (Makkah al-Mukarramah). Satu daripadanya ialah mereka tentu sekali merasa ingin hendak mempersaksikan dengan mata kepala mereka sendiri bagaimana rupa bentuk dan bangunan Kaabah Allah *al-‘Azīm* yang menjadi kiblat al-Muslimin yang mereka memperhadapkan diri sebanyak lima kali di dalam sehari semalam itu, perasaan hati mereka tentu masih belum begitu senang kiranya rumah suci yang aula pertama didirikan di permukaan alam ini-sebagai syiar kebesaran Islam itu-belum dapat mereka kunjungi sendiri. “*Inna awal baitu wid’ li al-nās li al-ladhī bibakkat mubārakā wa huda li al-‘ālamīn*”-bahawa inilah awal pertama rumah yang dibina untuk manusia yang terletak di tengah-tengah kota Makkah supaya menjadi berkat dan hidayat bagi seluruh alam.

Ya, dengan adanya *Baitullāh al-‘Azīm* di permukaan alam ini maka

di sana telah Allah Subhānahu wa Ta‘ālā menunjukkan lambang kebesaran dan cogan kesatuan agama Islam, kerana kejurusan sanalah tiap-tiap umat Islam di seluruh alam jagat ini mesti dan wajib menghadapkan dirinya lima kali di dalam sehari semalam.

Meskipun kaum Muslimin sedunia ini berjauhan negeri dan tempatnya, di Timur, di Barat, di Utara dan Selatan, berlain-lainan bahasanya, bermacam-macam warna kulitnya, berbagai-bagai bangsa dan keturunannya, tetapi dengan adanya *Baitullāh al-‘Azīm* terdiri di tengah-tengah kota suci Makkah al-Mukarramah, maka umat-umat Islam seluruhnya dapat mempersatukan tujuan, mempersatukan iktikad dan fahaman, mempersatukan jasad dan tenaga di dalam erti kata persaudaraan yang dituntut oleh Islam, di suatu tempat yang memang telah dijamin Allah akan kemuliaan kebesaran dan kesuciannya.

Tiap-tiap seorang umat Islam yang telah mendapat keizinan dari Allah untuk menjejaki dataran Tanah Suci, tiap-tiap kaum Muslimin yang telah berada di bawah lindungan Kaabah *Allah al-sharīfat*, sewajiblah mereka telah diterima dan dipilih menjadi tetamu Allah, dapat menghampirkan diri ke hadrat Tuhan *Khāliq al-makhlūq* di sisi rumah sucinya Yang Maha Agung dan juga di sanalah mereka dapat mengadakan satu perhimpunan secara besar-besaran, bererti sebuah Konferens Islam sedunia dapat mereka ciptakan di tempat yang satu, dengan cara yang satu, tujuan yang satu, berdaung-daung di angkasa raya memuji kebesaran Allah *rabbu al-bait al-‘atīq*. Fahaman yang satu, diiringi pula dengan satu gema suara yang berirama suci.

“*Labbaika Allah humma labbaik, labbaika lā sharīka laka labbaik, inna al-ḥamd wan ni‘mata laka, walmulk lā sharīkalak*”.

Para jemaah Haji, umat-umat Islam yang telah mendapat pilihan menjadi tetamu Allah di bumi yang suci mulia ini, sewajiblah bagi mereka mengadakan satu muktamar Islam sedunia, dan mengatur perjumpaan-perjumpaan umum sesama Islam dengan tujuan untuk berkenal-kenalan bertukar-tukar fikiran, memperkukuhkan tali persaudaraan secara

bertemu muka di antara orang-orang Islam Timur, Barat, Utara dan Selatan, memperhubungkan silaturahim di antara pembesar-pembesar dan pemimpin-pemimpin Islam dengan penganjur-penganjur Islam yang lain. Juga di antara satu puak dengan puak yang lain untuk menepati sebagaimana firman Tuhan di dalam kitab suci al-Quran al-Karim “*innā khalaqnākum min dhakarīn wa unthā waja’alnākum sha’ūbān waqabā’il lita’ārafū, inna akramakum ‘inda Allāh atqākum*” – sesungguhnya telah kami jadikan kamu daripada jenis lelaki dan perempuan dan telah kami jadikan pula di antara kamu berkaum-kaum dan berpuak-puak supaya kamu dapat berkenal-kenalan di antara satu sama lain. Bahawa semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang-orang yang takwa.

Di samping itu mestilah pula mereka mengambil tahu segala hal penderitaan atau kesenangan yang sedang ditanggung oleh saudara-saudara mereka yang seagama, sambil memperbincangkan soal-soal yang terpenting dan patut difikirkan bersama oleh umat Islam seluruhnya untuk mencari jalan dengan secara bagaimana supaya sikap kedudukan kita umat Islam yang sedang berada di dalam serba serbi kekurangan pada segala urusan di hari ini. Dapat diselenggarakan, dapat diperbetuli dan seterusnya dapat diperbaiki sehingga menjadi satu umat yang gagah perkasa. Umat yang betul-betul sanggup memegang tampuk pemerintahan dunia seluruhnya supaya, menepati firman Allah “*inna al-ard’ yarthurhā ‘ibādī al-sālihin*” – bahawa sesungguhnya yang mewarisi bumi ini ialah hamba-hamba-Ku yang salih”.

Inilah dia satu-satunya rahsia besar dan hikmah istimewa, yang terkandung di dalam ibadat Haji.....tetapi sayang... sayang....dan sayang!! Adakah seluruh umat Islam di hari ini mengetahui akan rahsia-rahsia dan hikmah-hikmah besar yang tersembunyi di dalam ibadat Haji yang dikerjakan oleh mereka pada tiap tahun dengan menanggung beberapa kesusahan dan mengeluarkan perbelanjaan-perbelanjaan yang bukan sedikit itu???

Ya, sungguh amat mendukacitakan jika kita sama memperhatikan keadaan umat-umat Islam di hari ini dengan ibadat Hajinya, perasaan tinggi rendah, hina memperhina. Di antara satu puak dengan puak yang lain, di antara satu bangsa dengan bangsa yang lain, masih belum dapat dikikis dari lubuk hati masing-masing. Orang-orang Islam bangsa Arab yang mengaku bahawa mereka daripada keturunan anak cucu Rasulullah yang mempunyai *title* “al-Sayyid” masih memandang rendah dan hina kepada orang-orang Islam dari ‘Ajam. Para jemaah Haji yang berpangkat tinggi. Hartawan dan bangsawan. terus menerus menganggap bahawa si rakyat jelata dan si fakir miskin itu hina dan jijik, tak harus dihampiri dan tak perlu dikenali. Oleh itu tidak menjadi hairan di dalam Masjid al-Haram, di hadapan *Baitullāh al-‘Azīm*, sering kali dapati para jemaah Haji bertengkar dan berkelahi, kerana dari sebab yang kecil-kecil dan enteng sahaja, seperti berbuat tempat duduk sewaktu hendak menunaikan sembahyang,

tak membayar harga minum air zam zam dan sebagainya, selain dari itu selalu pula kita jumpai di antara kaum Muslimin yang duduk berganding bahu di dalam satu saf dan barisan masing-masing membawa diri memalingkan muka ke arah lain, tidak mahu sapa menyapa, kenal mengenali, di antara satu sama lain.

Wal hasil jika diselidiki dengan halus dan teliti, maka ternyatalah, bahawa keadaan kita umat-umat Islam di hari ini semakin sehari makin berpecah belah, berporak peranda di antara satu sama lain, kita hanya dapat bersatu di dalam mengucap dua kalimat *al-shahādat* dan mengadap kiblat ke arah yang satu sahaja, sedang di dalam lain-lain perkara yang besar dan penting kita masih tetap bercerai berai dan kucar kacir.

Dengan adanya ibadat Haji yang diwajibkan Tuhan hanya sekali di dalam seumur hidup itu bererti jiwa umat-umat Islam dilatih menuju ke jalan persatuan ke cara *musawwah* dan rasa persamaan, kerana di sana tidak ada lagi taraf perbezaan di antara raja yang berdaulat dengan rakyat murba, di antara si kaya raya dengan si miskin melarat, di antara mulia berbangsa dengan si hina merempat, tetapi di masa itu semua peringkat manusia, seumum lapisan bani Adam, berada di dalam masawwah dunia persamaan pada serba serbinya, di kala itu sekalian manusia dari apa taraf dan golongan jua pun, wajib mesti tunduk dan taat di bawah kanun *al-shari’* berjalan di atas rel dan landasan hukum dan undang-undang yang telah ditetapkan Allah di dalam keadaan yang serupa dan cara yang satu. Jika Tuhan memerintahkan dengan firman-Nya “*faman farḍ fihinna al-hajj falā rafihā walā fasūq walā jidāl fi al-hajj*” – barangsiapa yang telah difardhukan di atas Haji, maka janganlah ia jamak dan berbuat fasad dan berbantah-bantahan sewaktu mengerjakan amalan Haji”. Maka perintah ini adalah mengenai semua peringkat, semua golongan dan semua lapisan manusia yang sedang mengerjakan ibadat Haji, tidak peduli dia itu raja yang bermahkota, hartawan yang berbangsa, atau si hina dan si pengemis yang hidup melarat.

Begitulah rasa jiwa persamaan roh *al-masawwah* yang mesti seluruhnya wajib ditanamkan ke lubuk para jemaah Haji seluruhnya. Bila mana roh persatuan dan semangat persamaan telah menusuk ke jiwa tiap-tiap umat Islam yang telah mendapat latihan istimewa dari Allah di dalam ibadat Hajinya, maka di sana nanti, roh keinsafan akan timbul. Tanggungjawab dan semangat berani melaksanakan sesuatu pengorbanan suci, akan muncul dan jiwa persaudaraan, kasih sayang cinta mencintai terhadap sesama Islam tetap akan menyerap masuk menerusi hati yang suci ikhlas bila mana segala-galanya itu telah mesra, menjadi darah daging dan sehati dengan roh umat Islam seluruhnya, maka dengan sendirinya akan timbul pula semangat perjuangan, jiwa pengorbanan rasa keadilan belas kasihan dan timbang rasa terhadap sesama

makhluk Allah, zalim aniaya, hasad dengki, pecah amanah, khianat, tindas menindas, jajah menjajah, dan hamba memperhambai terhadap sesama manusia tetap akan terhapus dan lenyap dari permukaan alam jagat ini, tetapi jika segala-galanya itu masih tetap bermaharajalela dengan sewenang-wenangnya di alam buana ini, maka itu pulalah kesentosaan hidup dan keamanan dunia yang kekal abadi tidak akan dapat dicegah oleh penghuni alam dan seisi dunia ini.

Jika umat Islam seluruhnya betul-betul faham dan mengerti akan hikmat-hikmat dan dasar-dasar ibadat Haji yang tulen dan sejati, sebagaimana yang telah diamalkan oleh Rasulullah SAW dan sahabat-sahabatnya *Khulafa' al-Rāshidīn* di zaman kebangkitan Islam di masa tiga belas kurun yang silam, maka barang sudah tentu umat-umat Islam yang berjumlah empat ratus million jiwa di hari ini, telah menjadi satu umat yang terkemuka, umat yang sanggup mengislahkan penduduk dunia seluruhnya dari kerosakan budi akhlak, tamak haloba, zalim aniaya, syirik dan sesat, menuju ke arah sinaran cahaya kebenaran yang gilang gemilang, hidup di dalam suasana aman tenteram, rukun dan damai, di bawah panji-panji keadilan yang dikibarkan oleh Islam.....

“Kuntum khaira ummat ukhrijat li al-nās ta’ murūna bi al-ma’rūf watanhawna ’ani al-munkar watu’ minūna bi Allāh – Adalah kamu sebaik-baik umat yang dilahirkan untuk manusia supaya kamu menyuruh mengerjakan kebajikan dan melarang memperbuat kejahatan, serta percaya kamu akan Allah”.

Oh...sekali lagi kita merintih dan mengeluh, bila mana kita teringat kembali akan sejarah perjalanan hidup yang telah ditempuh oleh kaum Muslimin dan umat-umat Islam di zaman mutaakhirin ini, mereka sentiasa mundur, lemah, kucar-kacir, tidak tentu haluan, tidak mempunyai hemah dan semangat, untuk berikhtiar mencari jalan kebahagiaan hidup di permukaan bumi Allah yang terbentang dengan seluas-luasnya ini seolah-olah di dunia ini mereka tidak mempunyai hak sama sekali sebagaimana yang difahami oleh sesetengah umat Islam yang sempit pengertiannya terhadap erti kata Islam yang sebenarnya.

Ke mana dan ke manakah lenyapnya ketinggian dan kemuliaan umat Islam, di mana dan, di manakah terletaknya kemasyhuran kaum Muslimin yang telah diakui Tuhan di dalam kitab suci al-Qur’an, yang telah dijamin oleh Rasulullah di dalam hadis al-Sharīf itu???

Ya, semuanya itu telah terbenam, telah terkubur ditelan oleh masa dan zaman kecuaihan kelalaian dari umat Islam sendiri, penganut-penganut Islam di zaman ini tidak begitu mementingkan soal-soal besar dan ajaran-ajaran agamanya yang tulen dan sejati, pengikut-pengikut Muhammad SAW sendiri telah banyak terpesong dan

berpaling dari ajaran-ajaran Islam yang sebenarnya, kepercayaan-kepercayaan karut dan khurafat-khurafat palsu telah menjadi satu dan bercampur baur dengan iktikad-iktikad dan kepercayaan-kepercayaan Islam yang hakiki dan asli. Jika dihitungkan rata-rata tidak kurang daripada delapan puluh *percent* daripada umat-umat Islam di zaman yang masih menganut fahaman-fahaman Jahiliyah, mempercayai khurafat-khurafat palsu yang membawa kepada terhinanya dan jatuhnya nama dan taraf umat-umat Islam di mata dunia *international*, seolah-olah Islam adalah satu agama yang membawa fahaman-fahaman sempit mempercayai khurafat-khurafat palsu dan ajaran-ajaran karut yang akan meloloskan penganut-penganutnya ke jurang kehinaan dan kemunduran.

Satu daripada kepercayaan umat-umat Islam, terutama sekali dari golongan para jemaah Haji yang telah menjejakkan al-Maqdisah, kebanyakan daripada mereka itu beriktikad tiap-tiap sesuatu benda atau barang yang berada di dalam lingkungan Tanah Suci Makkah, semuanya mereka anggap mengandungi “berkat” umpamanya biji-biji tasbih yang datang dari negeri Jerman, celak mata dari India, pinggan mangkuk dari England, kain-kain dari Jepun dan seribu satu macam lagi daripada benda-benda yang lain, bila mana sahaja barang-barang tersebut telah memasuki kota Makkah dan dijual di pasar-pasar *Sawīqah*, *Masa’*, dan *Jiyad*, sudah tentu mereka anggap bahawa barang tersebut telah mempunyai “berkat”, mereka masih belum berpuas hati kiranya barang-barang “berkat” itu tidak mereka beli untuk dibawa pulang ke tanah air masing-masing, sekiranya ditanya “bikin apa bapa-bapa dan saudara-saudara membeli gelas kaca dan kain *poplain* ini? bukankah di tanah air kita sana ada lebih banyak dan murah? Jawab mereka hanya tiga kalimat sahaja “buat berkat Makkah” Ya, barang-barang tersebut semuanya memang ada dijual di negeri kita masing-masing, harganya pun tentu jauh lebih murah dari harga di Makkah ini, tetapi.....kerana anggapan dan kepercayaan mereka lebih kuat mengatakan bahawa barang-barang yang di negeri mereka tidak mempunyai “berkat” sama sekali, maka dengan harga yang seberapa tinggi sekalipun, mereka beli juga dengan hati yang senang dan redha. Apalagi di ketika itulah kaum kapitalis bangsa Arab mengambil peluang memasangkan kelong “berkatnya” memperniagakan barang-barang yang disangka “berkat” oleh para jemaah Haji itu dengan harga yang berpuluh kali ganda. Akhirnya berkat pun berkat.....wang di tangan buat pulang pun habis.....sehingga untuk mengisi berkat perut sendiri pun sudah tak ada lagi.....mahu tak mahu dengan terpaksa barang-barang berkat yang telah dikumpulkan tadi terus dijual kembali dengan harga sepuluh kali ganda murahnyanya dari harga dibeli siapa rugi dan siapa pulan untung? Cubalah fikirkan bersama!!!

Barang-barang yang dianggap mengandungi “berkat” oleh orang-orang Islam yang jahil dan bodoh itu tidak memada hanya barang-barang perniagaan

yang dijual di pasaran-pasaran Makkah sahaja tetapi juga sampah sarap yang berada didalam Masjid al-Haram dan tahi-tahi burung merpati yang jatuh di atas *saṭah* (atap) *Baitullāh* pun mereka yakin dan percaya ada mempunyai berkat yang besar.

Perhatikanlah manakala kota suci Makkah disirami hujan di kala itu berbuat-buatlah ahli-ahli berkat tadi. Menunggu-nunggu di bawah pancuran Kaabah Allah dengan menadahkan tangan dan mengangakan mulut masing-masing, supaya air hujan yang mengalir turun dari pancuran Kaabah – yang tidak syak lagi telah menjadi sebatian dengan tahi-tahi burung merpati itu – dapat mereka teguk dan terus diminum melalui kerongkongan memasuki ke perut masing-masing.

Ke manakah hilangnya akal fikiran umat Islam di kala itu? Hingga memperbezakan di antara barang yang najis dengan barang yang suci mereka sudah tidak tahu lagi. Oh... takkan sebodoh itu umat Islam, mereka memang mengetahui di antara barang yang najis dengan barang yang suci. Tetapi kerana berharapan berkat, kotor dan najis itu buang tepi, tolak belakang – *la ḥawla walā quwwata illā bi Allāhi al-'aliyyī al-'azīm* – sampai sebegini sekali kepercayaan karut dan sesat, khurafat-khurafat jelik dan palsu yang masih lagi dipakai oleh penganut-penganut Islam yang jahil dan bodoh.

Bilakah masanya khurafat-khurafat palsu yang mendatangkan bahaya dan merugikan umat-umat Islam ini akan dapat dihapuskan, dan bagaimanakah jalannya, sampai kepercayaan karut yang merendahkan taraf kedudukan kaum Muslimin itu dapat dikikis licin dari lubuk hati pemeluk-pemeluk Islam yang berada di zaman kemajuan ini?

Perkara ini patut sekali diambil perhatian dan difikirkan bersama oleh para ulama Islam seluruh dunia. Sampai darjat kemuliaan dan kemasyhuran umat-umat Islam sedunia akan timbul kembali sehingga menjadi satu umat yang betul-betul mempunyai kesanggupan dan kelayakan untuk mengislahkan keadaan dunia yang telah dipenuhi kembali oleh kezaliman penganiayaan tindas menindas bermusuhan-musuhan di antara sesama manusia. Gelagat dunia di hari ini telah kembali seperti keadaannya di zaman Jahiliyah sebelum datangnya Islam menyinari alam jagat ini.

Sekarang marilah kita kembali agak sejenak meninjau ke arah lembaran tarikh Islam di zaman Rasulullah ṣalla Allāh ‘alaihi wa sallam dan sahabat-sahabatnya Khulafā’ al-Rāshidīn. Contohilah segala teknik dan polisi-polisi perjuangan suci yang telah dijalankan oleh penganjur-penganjur agung dan pimpinan-pimpinan Islam di zaman gemilang itu. Penganjur-penganjur dan pimpinan-pimpinan Islam yang silam adalah seratus peratus bersifat “*firsān bi al-nahār wa al-ruhbān bi al-lail*”-pahlawan di waktu siang, maha guru (ahli ibadat) di waktu malam.

Kemajuan, kemuliaan dan kemasyhuran yang telah dicapai oleh saudara-saudara kita kaum Muslimin di zaman Rasulullah, seterusnya di zaman sahabat-sahabat Khulafā’ al-Rāshidīn itu ialah dari sebab mereka itu berpegang teguh dan beramal sungguh-sungguh dengan apa yang telah diajarkan oleh Tuhan. Dengan apa yang telah ditunjukkan oleh Rasulullah di dalam kedua-dua kitab suci Islam al-Quran dan al-Hadis.

Oleh itu untuk menebus kembali akan segala kemajuan, kemuliaan dan kemasyhuran kita umat Islam yang telah terluput dari tangan kita dari semenjak zaman berzaman itu, maka dari sekarang juga marilah kita mengatur baris baharu untuk melangkah ke jalan Allah dengan berpandukan al-Quran al-Karim dan al-Hadis al-Nabāwi. Bongkarilah segala rahsia-rahsia besar dan hikmat-hikmat suci yang terkandung di dalam tiap-tiap lembaran kedua-dua kitab suci itu sebagai dustur dan qanun Islam yang tulen dan sejati, serta amalkanlah segala apa pengajaran-pengajaran tinggi yang telah diterangkan oleh kedua-dua kitab yang mulia itu supaya segala apa yang kita cintai-cintai, yang kita tujui selama ini akan tercapai dengan memperoleh kejayaan yang gilang gemilang. “*in tanṣurū Allah yanṣurukum waythabtu iqdākum*”-Sekiranya kamu menolong Allah – dengan mengikut segala ajaran-ajaran-Nya – nescaya Allah akan menolong kamu dan ditetapkan-Nya akan pendirian kamu”.

Untuk kembali ke pokok pembicaraan dan sebagai penutup kata dari makalah sumbangan ini, saya berseru kepada segenap lapisan dan peringkat para jemaah haji yang telah berkesempatan menjadi tetamu Allah di dataran *arḍ al-muqaddasah*.

“Para jemaah Haji yang telah menjadi tetamu Allah!!! Manakala saudara-saudara sekalian telah sempurna mengerjakan ibadat Haji, bererti saudara-saudara telah dapat merasai hidup di alam persamaan, menyedut udara dari ruh *musawwah* dan semangat persatuan yang teguh dan kuat. Sekembalinya saudara-saudara sekalian ke tanah air nanti maka bererti saudara-saudara telah memiliki satu perasaan halus dan berjiwa baharu yang belum pernah saudara rasai selama ini. Tanamkanlah semangat persamaan dan rasa *musawwah* yang telah saudara-saudara alami itu ke lubuk hati tiap-tiap kaum dan bangsa yang berada di tanah air saudara masing-masing. Dan ajarilah kepada mereka semangat persatuan dan ruh persaudaraan yang telah saudara dapati semasa berada di tanah suci di tengah-tengah padang Arafah yang luas saujana itu. Bawalah kembali segala rupa corak pengalaman-pengalaman pahit getir yang telah saudara-saudara – rasai untuk dijadikan pedoman dan perisai yang terutama menuju ke medan perjuangan suci terhadap agama bangsa dan tanah air. Ubahlah segala fahaman-fahaman kolot corak-corak lama yang berdasar bahawa tujuan amalan haji itu dikerjakan adalah semata-mata untuk mengambil *title* dan gelaran pak Haji dan mak Haji dengan memperbesar-besarkan serban di kepala

melabuh-labuhkan jubah dan memanjang-manjangkan tali tasbih, dengan maksud supaya mendapat pujian dan dipandang orang bahawa kita adalah seorang tok alim dari Makkah yang sayogia dihormati, yang patut dikucup tangannya.

Oh.....sungguh amat rugi dan kecewa, jika ibadat Haji yang mengandungi sebesar-besar faedah dan setinggi-tinggi hikmah itu hanya kita jadikan satu ibadat untuk bermegah-megah riak dan takbur terhadap sesama manusia.

Sekali lagi kita merasa kecewa jika sifat-sifat yang demikian itu masih kita amalkan, masih kita pertunjukkan ke muka dunia, gelanggang masyarakat umum yang telah diseliputi jiwa keinsafan, disaduri semangat kesedaran, masyarakat di hari ini-atau lebih tegas lagi dikatakan masyarakat di zaman atau tidak akan dapat lagi-dikaburi dengan segala rupa corak perjuangan hidup yang bertopeng agama yang akan mengecewakan masyarakat umum. Rakyat jelata di zaman sekarang telah dapat mengenali di antara intan asli dengan kaca lencongan,. Mereka telah tahu memilih yang mana batu yang mana manikam. Masyarakat di hari ini hanya berkehendakkan bukti, hanya memandang jasa dan menunggu-nunggu pengorbanan suci yang akan dipersembahkan oleh seorang anggotanya yang berjiwa ikhlas dan berhati jujur sebagai seorang kesatria, pelopor agama pembelas bangsa dan perajurit tanah air.

Itulah satu-satunya hikmah dalam tujuan besar rahsia-rahsia penting yang tergantung di dalam ibadat Haji, inilah dia dasar-dasar Haji yang tulen dan sejati yang telah diamalkan oleh Rasulullah dan sahabat-sahabatnya al-Khulafa' al-Rāshidīn di zaman kebangkitan Islam dari timur hingga ke barat. Tetapi kenapa keadaan umat-umat Islam di zaman mutaakhirin ini telah sangat terpesong daripada rel dan landasan ibadat Haji yang sebenarnya?

Ayuh!!! Marilah kita tebusi kembali taraf ketinggian darjat kemuliaan umat-umat Islam seluruhnya dengan berpandukan ajaran-ajaran Tuhan yang tulen dan asli: jauhilah segala ajaran karut fahaman-fahaman sempit dan khurafat-khurafat palsu yang merendahkan darjat dan taraf kedudukan umat-umat Islam seluruhnya di mata dunia *international*.

Buktikanlah apa yang telah disabdakan oleh Nabi besar kita Saidina Muhammad ṣallā Allāh 'alaihī wa sallam seorang pemimpin Islam yang ulung, penganjur dunia yang Maha Agung.

“Al-Islām ydlā walā yu'lā 'alaih”

Islam adalah agama yang tertinggi sekali, tidak atas satu agama yang lain yang lebih tinggi daripadanya.

(sambungan daripada muka 7)

perkataan Arab “*mungkin*” atau yang seumpamanya itu ditambah pula dengan “diadakan” jadi berulang-ulang ertinya sama. Boleh juga digunakan perkataan-perkataan Melayu seperti “*supaya*”-“*harus*” – nescaya dan – “*tetapi*” itu, akan tetapinya hendaklah dengan betul aturan dan susunan Arab Melayu sahaja, janganlah dicampurkan dengan perkataan Arab menunaikan itu pula, kerana yang demikian itu semata-matanya merosakkan bahasa Melayu yang kita sekalian berniat (jikalau benar) hendak membaikki dan memajukan di dalam “zaman kemajuan” ini.

Diharapkan mengapa daripada tuan-tuan pembaca sekalian kerana saya menambah keterangan lagi di sini: Sememang sudah ada perkataan-perkataan supaya-harus-nescaya-dan-tetapi -di sisi bahasa Melayu kita sebagaimana semua kita orang-orang Melayu faham ertinya satu persatu dan biasa kita gunakannya misalnya (1)....hal itu tidak harus diadakan...(2) saya yakin (atau tidak yakin) harus akan mendapat sambutan yang meriah – (3) moral lebih penting daripada pakaian. Jangan bersusah payah, masing-masing ada kebebasan, kerana pemuda-pemuda *yankee* nescaya tidak meninggalkan pakaian yang teristimewa itu – (4) saya minta bawang putih, tetapi diberinya bawang merah. Di sini nyatalah harus-supaya-nescaya-tetapi itu tiada boleh ditukar-tukarkan tempatnya yang dikehendaki kerana tukaran-tukaran yang demikian mengubahkan mengertinya atau fahaman, apatah lagi tidak patut (atau salah) jika digantikan pula dengan perkataan “*mungkin*” itu pula kerana sesungguhnya bukan tempat “*mungkin*”

Tidak saya menulis ini melainkan kerana ikhlasnya dan kasihkan bahasa kita Melayu supaya jangan ia cacat. Mendahului saya mengucap sepenuh-penuh dan setinggi-tinggi terima kasih kepada tuan-tuan yang akan berihisan memberi keterangan yang sebenarnya adil lagi memuaskan hati.

(sambungan dari muka 6)

kita akan menyangka orang-orang yang dahulunya merampas hak-hak kita dan sekarang berikhtiar menambah lagi apa-apa yang telah dirampasnya itu akan “berihsan” akan memberi keluasan beragama kepada orang-orang Islam?

Adakah kita akan dapat bertahan sekiranya nanti terbit pertelagahan di antara dua pihak (Melayu-Cina) sekiranya mereka itu menggunakan kekerasan dan kebolehan mereka itu untuk merebut kekuasaan itu dengan kekerasan atau apabila rundingan telah hampa? Kita yakin sedangkan di dalam kita mempunyai peluang-peluang yang penuh di dalam agama kita, orang-orang kita tidak merebutnya maka jangan diharap nanti apabila si Ah Chong telah memerintah kita. Oleh sebab itu kita suka hendak mendengar daripada tuan Haji Hasan apakah alasannya perpaduan UMNO-M.C.A. Itu dikatakan ilham daripada Tuhan?

Dengan anjuran UMNO 13 badan Melayu telah mengadakan persidangannya di rumah UMNO Johor Baharu pada hari Jumaat 14 Ogos yang lalu. Di dalam cadangannya untuk kemerdekaan Malaya maka UMNO membawa suatu cadangan supaya disetujui di Persekutuan Tanah Melayu dalam tahun 1954 diadakan pilihan raya.

Tetapi akhirnya permesyuaratan yang hampir sehari suntuk untuk tidak membawa satu keputusan sama ada bersetuju atau tidak di dalam cadangan UMNO itu-yang menjadikan seolah-olahnya persidangan itu hanyalah persidangan bercakap dan bertukar-tukar fikiran serta menunjukkan bahawa tidak ada persatuan di antara orang-orang Melayu bahkan menunjukkan bahawa persidangan itu membayangkan yang UMNO itu belum mendapat toleh untuk mewakili orang-orang Melayu yang dicop olehnya untuk mendapatkannya di dalam persidangan yang diadakan olehnya itu.

Berbalik kepada pilihan raya yang dikehendaki supaya diadakan pada tahun 1954 itu nampaknya dengan tidak membiarkan lebih jauh adakah umat Melayu telah berkelayakkan

dengannya dan adakah orang Melayu itu nanti akan terjauh daripada “dibeli” oleh orang lain kerana faedah bangsa lain? Adakah orang-orang Melayu itu telah faham akan tujuan dan maksud pilihan raya itu? Juga sudahkah kita mengetahui bahawa dari satu ke suatu masa M.C.A telah berikhtiar meluaskan dan membanyakkan lagi orang-orangnya dengan “menggunakan orang-orang kita” yang memeriksa kebolehan bercakap mereka itu dalam bahasa Melayu telah membuat sesuatu kelulusan yang ketat pada undang-undang itu dengan semudah-mudahnya?

Jika yang demikian ini belum dapat difahamkan dengan saksama kepada mereka itu maka kewajipan bagi pertubuhan-pertubuhan Melayu khasnya UMNO memberi cukup faham kepada mereka sebelum mereka diketengahkan dan janganlah di dalam cita-cita itu umat Melayu dikerah, diburuh oleh ketua-ketuanya kerana merebut kedudukan di dalam kerusi yang akan diluahkan dan di sebalik itu mencari “nikmat” untuk memudahkan kerja kepada orang yang dari satu ke satu masa menghendaki supaya hak-hak kita pupus ditelan oleh mereka itu.

Kemerdekaan itu akan menjadi sesia, dan harus akan menambah kemudaratan kita, sekiranya asasnya tidak dibina yakni terlebih dahulu memerdekakan tiap-tiap sendinya daripada penjajahan iktisad yang telah melumpuhkan kita, yang telah mengambil kekuasaan sehingga boleh mereka menjadikan kita kebulur kalau mereka mengetatkan lagi cengkamannya ke leher kita.

Apabila mereka lakukan yang demikian ini sudah tentu mereka akan berkata menyuruh kita memilih “serahkan tanah air kamu, kalau tidak kamu kebulur tidak makan”. Oleh itu halusi dan dalamilah dahulu kepada siapa kita berunding, kepada siapa kita berkawan dan apa yang telah mereka buat kepada kita dan kepada orang lain di dalam negeri kita. Bercerminlah dengan yang demikian itu muka-muka dengannya dapat kita insaf apa ertinya kalau kita merdeka bersama-sama orang lain.

Kalau kita mahu merdeka maka kemerdekaan itu untuk kita-bukan untuk orang lain.